

13/03/2004

Pesanan Dr Mahathir jadi perangsang Johari

ALOR STAR: Bukan mudah mengisi tempat yang dikosongkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan `bebanan' itu kini dipikul Datuk Johari Baharom yang dicalonkan untuk kerusi Parlimen Kubang Pasu.

Ketika tumpuan diberikan sama ada setiausaha politik Perdana Menteri itu mampu menambah majoriti undi selepas menurun pada 1999, Johari, 49, nampak tenang sambil sibuk melayan panggilan telefon dan penyokongnya yang tidak henti-henti mengucapkan tahniah.

Pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menjadi perangsang baginya untuk tampil bertanding buat kali pertama selepas menolak peluang pada 1999.

"Saya ada bertemu Perdana Menteri yang beliau berkata `Saya tahu anda boleh laksanakannya dan menjadi wakil rakyat yang baik' dan ini memberi galakkan kepada saya.

"Namun, saya belum berkesempatan menemui bos lama saya yang tempatnya akan saya gantikan," kata anak jati Kampung Paya Nongmi, Changloon.

Johari berkata, pembangunan yang diusahakan Tun Mahathir sepanjang menjadi Ahli Parlimen Kubang Pasu berjaya membawa perubahan besar kepada penduduk yang kini sudah dapat menikmati pelbagai kemudahan.

"Hampir semua benda ada di sini seperti universiti, maktab perguruan dan kawasan perindustrian," kata bekas guru dan bapa empat anak yang beristerikan seorang pendidik.

Mengenai sama ada beliau pernah berfikir tidak akan dicalonkan, Johari berkata semua itu bergantung kepada Perdana Menteri.

"Saya tidak mengharap kerana menyerahkan kepada Perdana Menteri...Kalau katanya saya bertanding, saya akan bertanding.

"Perdana Menteri sudah kenal saya dan tidak perlu untuk saya melobi kerana setiap hari saya bersamanya," katanya yang dipilih menjadi calon selepas 24 tahun membabitkan diri dalam politik.

Johari menjelaskan beliau pernah ditawarkan menjadi calon pada 1999 tapi menolaknya kerana belum bersedia.

Mengenai pengalaman menjadi setiausaha politik kepada dua Perdana Menteri, Johari menjelaskan peluang melihat sendiri bagaimana mereka menyelesaikan masalah banyak membantunya.

"Saya sendiri pernah dipertanggungjawabkan oleh Tun Mahathir untuk membawa Parti Bersatu Sabah (PBS) masuk ke Barisan Nasional (BN) dan ini pengalaman berharga bagi saya kerana berdepan situasi sukar," katanya.